

Headline	<b>Defisitimbangan perdagangan makanan dijangka tidak ket...</b>
Date	<b>15. Jul 2008</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>
Circulation	<b>238082</b>
Readership	<b>833287</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>8</b>
Article Size	<b>87 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



## Defisitimbangan perdagangan makanan dijangka tidak ketara

PUTRAJAYA 14 Julai - Defisitimbangan perdagangan makanan negara tahun ini dijangka tidak mengalami sebarang perubahan ketara seperti tahun lalu iaitu RM9.7 bilion.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed berkata, jangkaan itu kerana harga makanan utama di peringkat global semasa masih lagi tinggi.

Menurutnya, ia juga disebabkan negara masih mengimport beberapa bahan makanan termasuk makanan ternakan dalam jumlah yang besar.

"Tahun lalu jumlah import agro makanan adalah RM23.4 bilion manakala eksport pula RM13.7 bilion dan dengan itu defisitnya adalah RM9.7 bilion.

"Bagi tahun ini, ia tidak akan menunjukkan sebarang perubahan ketara tetapi jika produk minyak sawit dikira sama, imbangan perdagangan kita adalah lebihan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas merasmikan Seminar Strategi Baru Sekuriti Makanan Negara di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah

Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Datuk Mahanni Zainal Abidin.

Seminar sehari itu anjuran bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan ISIS.

Defisitimbangan perdagangan negara dijangka meningkat kepada RM15.7 bilion menjelang tahun 2010.

Sekhubungan itu, Mustapa berkata, beberapa strategi jangka pendek dan panjang telah dikenal pasti untuk menangani masalah defisit itu.

"Antaranya meningkatkan penyaluan dan produktiviti melalui penyediaan insentif kepada pengusaha dan pembangunan institusi dan infrastruktur.

"Selain itu, kawalan harga dan pemberian subsidi padi dan beras akan diteruskan," katanya.



**MUSTAPA** Mohamed bersalaman dengan peserta Seminar Strategi Baru Ke Arah Sekuriti Makanan Malaysia semasa merasmikan majlis itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) semalam.